

**Bekas Penyelia Syarikat Elektronik Terima Kunjungan Perdana Menteri
Bernama
10 November, 2011**

KLANG, 10 Nov (Bernama) -- Seorang bekas penyelia sebuah syarikat elektronik yang hilang kedua-dua belah kakinya akibat kencing manis menerima kunjungan Datuk Seri Najib Tun Razak di rumahnya di Taman Saga berdekatan Kampung Jawa di sini.

Perdana Menteri meluangkan masa melawat M.Chanderan, 37, dan anggota keluarganya semasa dalam perjalanan ke majlis Rumah Terbuka Deepavali di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Jawa tidak jauh dari rumah Chanderan.

Najib yang diiringi oleh isteri Datin Seri Rosmah Mansor turut menyampaikan sumbangan hamper, wang tunai RM1,000 dan komputer riba 1Malaysia.

Beliau juga menyampaikan bantuan Sijil Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) kepada lima anak Chanderan yang masih bersekolah yang kesemuanya berjumlah RM2,500.

Turut hadir Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim; Presiden MIC Datuk G.Palanivel; dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar.

Najib dan Rosmah kemudian menaiki "golf buggy" bersama pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional lain untuk menghadiri Rumah Terbuka Deepavali.

Chanderan ketika ditemui pemberita berkata beliau kini terpaksa bergantung pada pendapatan isterinya R.Puspham, 34, yang bekerja sebagai seorang operator di sebuah kilang untuk menyara hidup mereka sekeluarga.

---BERNAMA

Copyright © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=626028>